



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)  
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

#### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I  
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Teknologi Maklumat / Sains Komputer / Sistem Maklumat atau bidang bersesuaian.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. **Bagi yang tidak mempunyai ijazah,** hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:

- a) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
  - b) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
  - c) Peraturan-Peraturan Kewangan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Bahagian Prasarana Rangkaian (*Enterprise IT Network Infrastructure Services*) di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan;
2. Mengurus, memelihara dan memantau prasarana rangkaian di Sekolah-Sekolah dan Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Pendidikan;



3. Membantu Jabatan dalam penyediaan piawaian dasar dan prosedur untuk memastikan operasi dan perkhidmatan Bahagian Prasarana Rangkaian (*Enterprise IT Network Infrastructure Services*) dilaksanakan dengan teratur dan mengikut amalan terbaik (*best practices*);
4. Memastikan keselamatan rangkaian (*network security*) di Sekolah-Sekolah dan Jabatan-Jabatan;
5. Memantau dan memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan *Information and Communication Technology ICT* yang berkaitan dengan prasarana rangkaian mengikut piawaian dasar dan prosedur yang disediakan;
6. Memantau dan meningkatkan kualiti dan efisiensi perkhidmatan dan tugas-tugas operasi Bahagian Prasarana Rangkaian (*Enterprise IT Network Infrastructure Services*);
7. Mengurus dan memantau prestasi dan kualiti perkhidmatan meja (*service desk*) secara menyeluruh;
8. Membantu Jabatan dalam penyediaan kertas kerja atau cadangan (*proposal*) bagi projek-projek *ICT* yang berkaitan dengan prasarana rangkaian di Kementerian Pendidikan;
9. Dilantik sebagai Penyelaras / Pengurus Projek bagi projek-projek *ICT* yang berkaitan dengan prasarana rangkaian di Kementerian Pendidikan;
10. Dilantik sebagai ketua bersama ahli jawatankuasa bagi acara-acara rasmi yang diungkayahkan oleh Kementerian Pendidikan; dan
11. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah, Penolong Pengarah dan Pengurus Sistem di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dari semasa ke semasa.